

# Merevolusi sistem pendidikan tinggi

BH- 28/11/2006

## Kementerian wujud suasana kondusif tingkat kualiti pensyarah, graduan



Oleh Mohd Feroz Abu Bakar

**? Selepas sembilan bulan di Kementerian Pengajian Tinggi, ke mana Datuk membawa hala tuju pendidikan tinggi negara**

Kerajaan memperuntukkan RM18.4 bilion dalam Rancangan Malaysia Ke-sembilan (RMK-9) untuk pendidikan tinggi dan ini satu jumlah pelaburan yang besar. Dana ini kira-kira 50 peratus lebih tinggi daripada peruntukan dalam RMK8. Bajet operasi kita pula ialah RM5.5 bilion tahun ini dan RM6.5 bilion tahun depan. Kita mahu mendapat pulangan yang tinggi daripada pelaburan kerajaan yang besar dalam pendidikan. Kita perlu tingkatkan kualiti institusi kita dan graduan yang dilahirkan sesuai dengan keperluan semasa.

Sektor ini amat penting dalam pembangunan modal insan dalam RMK-9. Saya sedang menunggu laporan transformasi pendidikan tinggi negara ini. Draf laporan dijangka siap pada akhir bulan ini.

Kajian ini melihat apa yang sudah dilakukan sejak 15 tahun lalu dalam pendidikan tinggi awam dan swasta di Malaysia. Kajian ini berbeza dengan Laporan Wan Zahid mengenai hala tuju pendidikan tinggi negara yang sudah dibentangkan di Parlimen pada April lalu.

**? Apakah perubahan yang akan boleh dijangka dalam laporan terbaru ini**

Perdana Menteri bercakap mengenai merevolusikan sistem pendidikan tinggi negara kita. Antaranya membabitkan perubahan dalam kurikulum yang lebih kerap, kemahiran insaniah yang lebih mantap, kerjasama rapat akademik dan industri serta peningkatan kualiti pensyarah. Kita perlu menjadi kompetitif untuk bersaing dengan negara lain. Kita perlu memastikan graduan terbaik universiti tempatan mampu bekerja di mana saja.

Kita juga mahu menarik 'the best minds' ke universiti tempatan. Sebahagian cerdik-pandai mungkin perlu berada di pentadbiran awam atau swasta tetapi kebanyakan daripada mereka sepatutnya berada di universiti. Sekarang dunia akademik tidak menarik ramai cerdik pandai kerana banyak sebab. Salah satunya imbuhan kurang menarik. Ada juga tanggapan bahawa kebebasan akademik terhadap dan ada yang tidak puas hati dengan persekitaran di universiti.

Jadi, kita perlu mewujudkan suasana yang kondusif supaya mereka sangat suka atau 'passionate' menjadi pensyarah. Tidak mudah untuk melakukan ini kerana membabitkan perubahan dalam peraturan, soal imbuhan, kenaikan pangkat dan sebagainya. Kita perlu memberi kenaikan pangkat yang lebih cepat kepada pensyarah yang cemerlang. Kita juga menggalakkan pensyarah yang senior dan cemerlang terus berkhidmat sehingga 65 tahun.

**? Ada pensyarah yang dibeban dengan tugas pengajaran yang banyak dan mereka bagus pengajaran tetapi tidak banyak menyelidik. Ada pensyarah yang bagus dalam penyelidikan atau analisis tetapi kurang baik dalam pengajaran. Apa kriteria kenaikan pangkat di universiti.**

Penerbitan kertas kerja penting sama ada dalam jurnal tempatan, lebih-lebih lagi antarabangsa. Tetapi itu tidak bermakna pengajaran tidak penting. Ada pelajar tertarik dengan universiti kerana mereka mempunyai pensyarah yang sangat

pandai mengajar. Tenaga pengajar memainkan peranan yang penting dalam pendidikan universiti.

Oleh itu, kenaikan pangkat tidak berasaskan penerbitan kertas kerja saja, walaupun aspek itu memainkan peranan penting. Kebolehan mengajar juga diambil kira untuk kenaikan pangkat.

Bagi pensyarah Fakulti Perubatan umpamanya, mereka memainkan tiga peranan iaitu mengajar, tugas klinikal dan penyelidikan. Bidang kerja pensyarah dalam bidang ini lebih luas dan kita mengambil kira beban tugas mereka. Nisbah jawatan tinggi seperti profesor penuh di Fakulti Perubatan secara relatifnya lebih tinggi berbanding fakulti lain.

**? Skim gaji pensyarah paling maksimum ialah profesor gred A yang sama dengan Skim Jawatan Utama Sektor Awam (Jusa) A. Tetapi dalam perkhidmatan awam, terdapat skim lebih tinggi iaitu Turus/Staf**

Tak ramai yang mendapat Jusa A dalam perkhidmatan universiti. Kita sedang berbincang dengan Jabatan Perkhidmatan Awam. Kita berharap akan dapat lebih banyak profesor Jusa A dan kalau boleh lebih tinggi daripada itu.

**? Pensyarah di negara ini dikatakan tidak mempunyai kebebasan akademik**

Persepsi sekarang ialah mereka tidak boleh menyentuh atau mengkaji setengah isu. Kita tidak kawal penyelidikan mereka. Tetapi kita tahu ada yang mahu lebih banyak kebebasan. Ada yang mahu terbabit dalam kegiatan politik. Pegawai kerajaan yang mahu terbabit dalam politik boleh melepaskan jawatan mereka dan terbabit dalam politik secara sepenuhnya.

Seperti perkhidmatan awam lain, kita tidak menggalakkan pensyarah terbabit dalam politik kerana ini akan menjadikan universiti tempat mendapatkan pengaruh. Tugas utama pensyarah ialah dalam akademik.

**? Ahli akademik juga tidak dibenarkan berbincang mengenai kebebasan beragama?**

Kerajaan sudah menyatakan isu ini tidak patut dibincangkan secara terbuka. Dalam konteks Malaysia, kita ada Perlembagaan Persekutuan. Perkara ini boleh menimbulkan sensitiviti. Tapi mereka boleh mengajar mengenai Perkara 11, Perkara 121 dalam Perlembagaan Persekutuan. Mereka perlu menjelaskan kepada pelajar mengapa kita memerlukan Perkara 11 dan Perkara 121 dan Mahkamah Syariah yang diasingkan daripada Mahkamah Sivik.

Tetapi untuk terbabit dalam perbincangan umum, mereka terikat kepada undang-undang negara. Pensyarah perlu mematuhi peraturan kerana negara kita mempunyai pelbagai kaum dan agama. Ada yang merujuk kepada hak asasi manusia mengikut acuan negara Barat. Tapi kita tahu semuanya bukan sesuai dalam konteks kita.

**? Untuk meningkatkan ketelusan di universiti, mengapa kekosongan jawatan naib cancellor tidak diiklankan untuk mendapat calon terbaik seperti yang dilakukan syarikat multinasional?**

Pertama sekali, pada masa ini kita tidak boleh memberi imbuhan kepada pegawai asing lebih daripada yang diberikan kepada rakyat tempatan. Ini struktur perkhidmatan awam kita. Jika kita mahu mendapatkan cerdik pandai dari seluruh dunia, kita perlu membayar gaji yang seimbang.

Kedua, saya berpendapat kita mempunyai banyak individu yang berkebolehan di

negara kita. Tinggal lagi, kita perlu mencari kaedah yang sesuai untuk mendapat calon yang terbaik. Kita sudahpun mempunyai jawatankuasa pemilih dan proses ini sudah berjalan untuk mencari calon naib cancellor Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Sekarang kita sedang mencari calon naib cancellor universiti Kelantan.

Ada persepsi tiada ketelusan dalam pemilihan naib cancellor. Tetapi kini kita ada jawatankuasa pemilih yang dianggotai individu terkemuka dari sektor awam dan swasta. Mereka kenal pasti lebih daripada lima calon untuk setiap jawatan. Ada kemajuan dan kita akan terus memantapkan proses ini.

**? Naib Cancellor UM dan UKM hanya dilantik untuk tempoh dua tahun. Adakah tempoh ini cukup untuk menyempurnakan tugas mereka**

Kita akan menilai prestasi mereka selepas dua tahun. Dua tahun tidak cukup tetapi jika pemegang jawatan itu bagus, mereka boleh bertugas sehingga berusia 65 tahun. Jika mereka cemerlang, tiada yang akan menghalangnya terus berkhidmat.

**? Ada banyak persatuan pelajar di universiti yang berteraskan bahasa dan agama. Ada cadangan untuk memansuhkan persatuan ini supaya terdapat perpaduan dalam kegiatan pelajar?**

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) adalah penaung semua persatuan pelajar di universiti dan saya percaya MPP mempunyai pelbagai kaum. Saya meminta naib cancellor memastikan setiap kaum mempunyai wakil dalam MPP. Ini sangat penting. Kemudian universiti mempunyai kolej kediaman yang juga memainkan peranan penting dalam membina sahsiah pelajar.

Di kebanyakan universiti, lebih separuh pelajar tinggal di kolej kediaman dan ada universiti yang 80 peratus hingga lebih 90 peratus pelajar tinggal di kolej kediaman. Kolej ini mesti menggabungkan komposisi kaum di Malaysia. Kepemimpinan kolej kediaman seperti jawatankuasanya mestilah terdiri daripada semua kaum.

Kemudian ada persatuan pelajar. Saya meminta mereka memastikan terdapat wakil kaum dalam persatuan pelajar. Perpaduan juga boleh dicapai menerusi acara kesenian dan sukan. Mungkin kita perlu ada kuota bagi pemain bola sepak. Atau pelajar Cina bermain sepak takraw dan pelajar Melayu bermain bola keranjang.

**? Sekumpulan pelajar tidak berpuas hati dengan syarat menjadi calon MPP dan kaedah pengendalian pilihan raya MPP**

Tahun lalu, jumlah pelajar yang keluar mengundi adalah yang tertinggi. Naib cancellor berpendapat calon MPP mesti mempunyai Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) tertentu. Pemimpin mesti mencapai minimum standard kerana jika pelajar hanya mencatat PNGK 2.5, mereka sukar menjadi pemimpin yang baik. Jika syarat 3.5 pula tidak berpatutan kerana tidak ramai yang layak jadi calon MPP.

Ada juga pelajar yang mengadu mengenai kaedah undi elektronik. Jika universiti ada 30,000 pelajar, proses pilihan raya agak rumit. Jadi kita menggalakkan universiti membuat undian secara elektronik. Sistem ini lebih cekap dan telus.

Sesetengah universiti meminta pelajar mengundi di kolej kediaman dan sesetengah universiti undian dilakukan di fakulti. Alasan mereka ialah untuk mendapatkan seramai mungkin pelajar. Naib cancellor tahu apa yang terbaik untuk universiti masing-masing.

“Sekarang dunia akademik tidak menarik ramai cerdik padai kerana banyak sebab. Salah satunya imbuhan kurang menarik. Ada juga tanggapan bahawa kebebasan akademik terhadap dan ada yang tidak puas hati dengan persekitaran di universiti”

“Seperti perkhidmatan awam lain, kita tidak menggalakkan pensyarah terbabit dalam politik kerana ini akan menjadikan universiti tempat mendapatkan pengaruh. Tugas utama pensyarah ialah dalam akademik”

“Saya meminta naib cancellor memastikan setiap kaum mempunyai wakil dalam MPP. Ini sangat penting. Kemudian universiti mempunyai kolej kediaman yang juga memainkan peranan penting dalam membina sahsiah pelajar”